

Program Pengantarabangsaan Atlet

Dalam memperkasakan kecemerlangan sukan di UPM, Pusat Sukan UPM sentiasa merencana program pembangunann sukan yang terbaik dan sistematik dalam memastikan atlet UPM sentiasa berdaya saing. Program pengantarabangsaan yang diadakan ini sedikit sebanyak akan meningkatkan lagi pengalaman dan keyakinan para atlet dalam menghadapi sesebuah kejohanan yang dianjurkan sama ada kejohanan tempatan atau bertaraf antarabangsa. Berikut merupakan program pengantarabangsaan atlet UPM bagi bulan Mei 2018.

Bil.	Kejohanan	Tarikh & Tempat	Penglibatan	Penglibatan
1	4th South & Southeast Asia College Student Culture and Sports Week	29 April hingga 5 Mei 2018 Kunming University, China	Pegawai pasukan: 3 orang Atlet: 7 orang (Bola Tampar Wanita)	Tempat Keempat daripada 8 pasukan
2	Jaya Ancol Singles Championships 2018 (Tenpin Bowling)	29 April- 6 Mei 2018 Jakarta, Indonesia	Pegawai pasukan: 2 orang Atlet: 3 orang	Mixed Open Masters Finals: Siti Aishatun Hussin (14/45) Classified Division Masters Finals: Siti Aishajan Hussin (9/44) Syazana Aqilah Lokman (14/44)



Johnathan dan Norliyana Olahragawan dan Olahragawati UPM ke-34/2018



Pusat Sukan UPM telah menganjurkan Majlis Anugerah Sukan UPM kali ke-34, 2018 pada 11 Mei 2018 (Jumaat) bertempat di Hotel Bangi-Putrajaya. Majlis ini diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada para atlet, jurulatih dan pengurus pasukan yang telah banyak memberi sumbangan di dalam pembangunan sukan di UPM. UPM dan Pusat Sukan khasnya amat berbangga dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh atlet-atlet UPM di persada sukan tanah air dan antarabangsa.

Seramai 140 orang atlet UPM daripada pelbagai sukan telah menerima anugerah pada malam yang penuh gemilang tersebut. Antara anugerah yang disampaikan ialah Anugerah Olahragawan, Anugerah Olahragawati, Anugerah Bintang Harapan Lelaki, Anugerah Bintang Harapan Wanita, Anugerah Emas, Anugerah Perak, Setia Bakti, Penghargaan Khas dan Tokoh Sukan.

Majlis penyampaian hadiah Majlis Anugerah Sukan UPM ke-34/2018 telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris, Naib Canselor UPM. Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Prof. Dr. Roslan Sulaiman (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UPM), YBrs. Dr. Hanafiah Ayub, (Ketua Pusat Sukan UPM), YBhg. Dato' Wan Azman Wan Omar (Pendaftar UPM), dan YH. Prof Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran (Naib Canselor UPSI).

Penerima anugerah utama bagi Majlis Anugerah Sukan UPM ke -34/2018 adalah seperti berikut:

- | | |
|------------------------------------|-------------------------------------|
| 1) Anugerah Olahragawan | : Johnathan Wong Guanjie (Menembak) |
| 2) Anugerah Olahragawati | : Norliyana Kamaruddin (Olahraga) |
| 3) Anugerah Bintang Harapan Lelaki | : Muhammad Fitri Abdullah (Ragbi) |
| 4) Anugerah Bintang Harapan Wanita | : Heng Kor Jin (Renang) |

Keputusan Kejohanan Sukan Staf UPM 2018

Kejohanan Sukan Staf UPM 2018 merupakan salah satu program sukan yang diadakan bagi memupuk gaya hidup sihat di kalangan staf UPM. Selain itu, kejohanan ini diadakan sebagai medan pencarian bakat dalam usaha UPM untuk menyediakan pasukan staf bagi menghadapi kejohanan SUKUM 2018 yang akan diadakan pada 10-18 Ogos 2018 bertempat di Universiti Malaysia Pahang. Berikut antara pencapaian pasukan gabungan sempena kejohanan Sukan Staf UPM 2018 yang telah diadakan bermula bulan Februari hingga Jun 2018.

Bil.	Sukan	Johan	Naib Johan
1.	Bola Sepak	Gabungan 2	Gabungan 3
2.	Bola Jaring	Gabungan 1	Gabungan 3
3.	Petanque	Gabungan 1	Gabungan 6
4.	Olahraga	Gabungan 3	Gabungan 2

*Acara yang dipertandingkan sehingga Jun 2018





***Senarai Gabungan:**

Gabungan 1: Fakulti Bioteknologi & Sains Biomolekul, Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Institut Kajian Dasar Pertanian & Makanan, Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Fakulti Kejuruteraan, Institut Teknologi Maju, Bahagian Keselamatan dan Pusat Kesihatan Universiti.

Gabungan 2: Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Perhutanan, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Fakulti Rekabentuk & Senibina, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Institut Pengajian Sosial, Institut Perhutanan Tropika & Produk Halal, Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi dan Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa.

Gabungan 3: Fakulti Pertanian, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, Institut Kajian Perladangan, Institut Pertanian Tropika, Pusat Sumber & Pendidikan Kanser dan Pusat Pengimejan dan Diagnostik Nuklear.

Gabungan 6: Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Bahagian Akademik, Bahagian Antarabangsa, Bahagian Audit Dalam, Pusat Pembangunan Akademik, Sekolah Pengajian Siswazah dan Taman Pertanian Universiti & Ekuin Park.

Kutipan Markah Keseluruhan Kejohanan Sukan Kolej UPM Sesi 2017/2018

Kejohanan Sukan Kolej UPM sesi 2017/2018 telah melabuhkan tirainya pada 6 Mei 2018. Pada sesi ini, sebanyak 21 acara sukan kategori Lelaki dan 20 acara sukan kategori wanita telah dianjurkan. Kejohanan sukan kolej ini telah disertai oleh 17 pasukan yang mewakili kolej kediaman di UPM. Berikut merupakan keputusan rasmi Kejohanan Sukan Kolej UPM bagi sesi 2017/2018.

Kutipan Mata Kategori Lelaki				
Ked.	Kolej	Sem. 1	Sem. 2	Mata
1	Kolej Tun Dr. Ismail	71	58	129
2	Kolej Sepuluh	53	46	99
3	Kolej Tujuh Belas	59	38	97
4	Kolej Kedua	43	46	89
5	Kolej Keenam	33	40	73
6	Kolej Tiga Belas	41	24	65
7	Kolej Canselor	27	32	59
8	Kolej Kelima	24	34	58
9	Kolej Tun Perak	16	38	54
10	Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	27	20	47
11	Kolej Empat Belas	24	9	33
12	Kolej Lima Belas	16	13	29
13	Kolej Dua Belas	13	9	22
14	Kolej Pendeta Za'ba	17	0	17
15	Kolej Mohamad Rashid	14	0	14
16	Kolej Enam Belas	22	-18	4

Kutipan Mata Kategori Wanita				
Ked.	Kolej	Sem. 1	Sem. 2	Mata
1	Kolej Tun Dr. Ismail	61	51	112
2	Kolej Kedua	53	51	104
3	Kolej Tujuh Belas	59	43	102
4	Kolej Keenam	55	41	96
5	Kolej Sebelas	42	41	83
6	Kolej Canselor	35	35	70
7	Kolej Tun Perak	23	23	46
8	Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	27	15	42
9	Kolej Tiga Belas	21	17	38
10	Kolej Enam Belas	21	4	25
11	Kolej Lima Belas	17	8	25
12	Kolej Kelima	14	11	25
13	Kolej Empat Belas	24	0	24
14	Kolej Pendeta Za'ba	18	5	23
15	Kolej Dua Belas	6	14	20
16	Kolej Mohamad Rashid	14	4	18

Takwim Kejohanan Sukan & Penganjuran Kursus Julai & Ogos 2018

Berikut merupakan program yang akan disertai dan dianjurkan oleh Pusat Sukan UPM bagi bulan Julai dan Ogos 2018.

Bil.	Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat
1	Kursus Asas Renang *untuk 12 tahun ke atas sahaja	25-29 Jun 2018	Kompleks Renang UPM
2	Kejohanan Menembak IPT Malaysia 2018	4-8 Julai 2018	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
3	Latihan Pusat MASUM Fasa 1 (Kontinjen UPM)	7-14 Julai 2018	Universiti Putra Malaysia
4	Latihan Pusat MASUM Fasa 2 (Kontinjen UPM)	14-20 Julai 2018	Universiti Putra Malaysia
5	Karnival Sukan MASUM Fasa 1	15-21 Julai 2018	Universiti Malaysia Kelantan
6	Kejohanan Sofbol IPT Malaysia 2018	16-21 Julai 2018	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'Adzam Shah
7	Kursus Kejurulatihan Bola Sepak Lesen "D" FAM	23-27 Julai 2018	Universiti Putra Malaysia
8	Higher Education Sports Fest (HESF) 2018	24-28 Julai 2018	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
9	Karnival Sukan MASUM Fasa 2	29 Julai – 5 Ogos 2018	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
10	Kejohanan Sukan Staf IPTA (SUKUM)	10-18 Ogos 2018	Universiti Malaysia Pahang
11	Program Pengantarabangsaan Atlet	24-28 Ogos 2018	Thailand



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Dengan Ingatan Tulus Ikhlas,
Maaf Zahir & Batin
Ikhlas Daripada; Pusat Sukan UPM**